



PENGUMUMAN

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA PUTRAJAYA

TEMPOH PERCUBAAN (*PROBATION PERIOD*) TIDAK TERPAKAI KEPADA PEKERJA ASING

Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing Dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI) pada 1 Julai 2013 yang dipengerusikan oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd. Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, telah memutuskan bahawa **tempoh percubaan (*probation period*) adalah tidak terpakai kepada pekerja asing yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS)** dan ia menjadi syarat wajib dalam pengambilan pekerja asing yang baru. Keputusan ini telah diumumkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri sendiri selepas mesyuarat pada 1 Julai 2013. Sehubungan itu, semua majikan yang ingin menggaji pekerja asing dikehendaki mematuhi syarat ini.

Kementerian Sumber Manusia
11 Julai 2013